



13 MAY, 2026

Ekuinas catat rekod ‘Relay Race’ sulung

Kosmo, Malaysia

Ekuinas catat rekod ‘Relay Race’ sulung

- **Penyenaraian Orkim Berhad di Pasaran Utama**
- **Jana ekuiti bumiputera RM7.1 bilion**

**PETALING JAYA** – Pencapaian cemerlang Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada tahun 2025 menunjukkan evolusi berterusan syarikat sebagai pelabur modal persendirian yang bersepadu dan menyokong perniagaan pasaran pertengahan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Aliff Omar Mohamad Omar berkata, tumpuan syarikat dalam perniagaan terasnya, ekuiti persendirian, kredit persendirian dan *Capacity Building* serta kejayaannya menyenaraikan Orkim Berhad di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada tahun lepas menjadi mercu tanda buat Ekuinas sepanjang 11 tahun pelaburannya.

Sepanjang tempoh tersebut, Orkim Berhad berkembang menjadi pengendali kapal tangki produk petroleum ditapis utama di Malaysia dengan menguasai



ALIFF OMAR

pegangan pasaran melebihi 50 peratus kapal-kapal berdaftar di Malaysia ketika penyenaraian.

Aliff Omar menjelaskan, menerusi tawaran awam awal (IPO) dan pemindahan saham, Ekuinas mencatatkan hasil kasar berjumlah RM828 juta dengan RM350 juta diagihkan sebagai dividen kepada PNB, demi manfaat pemegang unit amanahnya.

“Transaksi tersebut menandakan bumiputera ‘Relay Race’ pertama, dengan kepentingan

LISTING ON THE MAIN MARKET  
RBA MALAYSIA SECURITIES BERHAD  
9 DECEMBER 2025  
Charting the Course to Greater Heights



PENGURUSAN kanan Orkim Berhad hadir pada majlis penyenaraian Orkim Berhad di Papan Utama, Bursa Malaysia tahun lepas.

60 peratus dalam Orkim Berhad dipindahkan kepada pemilikan institusi jangka panjang di bawah PNB, selian menyokong fasa pertumbuhan syarikat selanjutnya,” kata beliau dalam kenyataan semalam.

Selain ekuiti persendirian, fungsi kredit persendirian Ekuinas yang bernilai RM800 juta itu telah menyempurnakan dua transaksi pertamanya, menyedikan penyelesaian pembiayaan terkhusus patuh syariah yang

disesuaikan untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat pasaran pertengahan yang kurang diberi sokongan.

“Apa yang membezakan Ekuinas dalam bidang ini ialah pengalaman operasi yang meluas dan pengetahuan yang mendalam tentang sektor.

Berbekalkan pengalaman 16 tahun melabur dan membina syarikat-syarikat pasaran pertengahan, kami dapat menyusun penyelesaian pembiayaan

yang mencerminkan keperluan perniagaan sebenar, berbanding rangka kerja pinjaman lazim.

Sejak ditubuhkan, Ekuinas telah memperuntukkan RM5.1 bilion meliputi 49 syarikat dan mencatatkan hasil berjumlah RM5.7 bilion, sekali gus menjana ekuiti bumiputera bernilai RM7.1 bilion dan RM8.5 bilion dari segi jumlah nilai pemegang saham.

Penjagaan kesihatan meningkat kepada 29 peratus daripada portfolio aktif Ekuinas pada 2025.



13 MAY, 2026

## Ekuinas catat rekod ‘Relay Race’ sulung

Kosmo, Malaysia

### SUMMARIES

Penyenaraian Orkim Berhad di Pasaran Utama Jana ekuiti bumiputera RM7.1 bilion  
PETALING JAYA = Pencapaian cemerlang Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) pada tahun 2025 menunjukkan evolusi berterusan syarikat sebagai pelabur modal persendirian yang bersepadu dan menyokong perniagaan pasaran pertengahan.